

Rujukan : UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4

Tarikh : 21 November 2025

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 19/2025

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN MEMBAWA BAKI CUTI REHAT KE TAHUN 2026 DAN/ATAU PENGUMPULAN
GANTIAN CUTI REHAT (GCR) UNTUK AWARD WANG TUNAI TAHUN 2025**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini ingin menarik perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/Tuan/Puan berhubung punca kuasa bagi permohonan membawa baki cuti rehat ke tahun hadapan dan pengumpulan GCR seperti berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Cuti, Versi 1.0 (2022), Ceraian SR.5.1.6 - Kemudahan membawa ke hadapan cuti yang tidak dapat diambil bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan; dan
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Persaraan dan Faedah Persaraan, Versi 1.0 (2022), Ceraian PP.1.3.1 - Pemberian *Award* Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR).

3. Sesuai dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia seperti di atas, baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan atas sebab kepentingan perkhidmatan boleh dipertimbangkan untuk dibawa ke tahun hadapan dan pengumpulan GCR untuk *award* wang tunai. Permohonan boleh dibuat melalui pautan sistem e-Cuti <https://smk.ukm.my/ecuti> mulai **1 DISEMBER 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2025**.

4. Bagi kelancaran proses permohonan membawa baki cuti rehat ke tahun hadapan dan/atau pengumpulan GCR, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu memastikan semua permohonan cuti rehat tahun 2025 telah diluluskan oleh Pelulus Cuti sebelum tindakan membawa baki cuti rehat dan pengumpulan GCR dilaksanakan. Cetakan surat pengesahan boleh dibuat pada menu permohonan bawa baki cuti rehat dan pengumpulan GCR (sekiranya perlu).

5. Bersama-sama ini, dilampirkan Jadual Pelaksanaan Permohonan Bawa Baki Cuti Rehat & Gantian Cuti Rehat (GCR) (**Lampiran A**), soalan lazim (**Lampiran B**) dan infografik (**Lampiran C**) untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan/maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi:

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
KAMPUS BANGI			
1.	Ketua Penolong Pendaftar Kanan/ Ketua Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	uesp.bsm@ukm.edu.my	03-8911 8222
2.	Puan Ainur Amirah Rawi Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	ainur@ukm.edu.my	03-8911 8239
3.	Puan Siti Juhaidah Mohd Sharif Pembantu Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	juhaidahsharif@ukm.edu.my	03-8911 8254
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ			
1.	Puan Nazwin Azmira Nafikudin Ketua Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	uespjsm@hctm.ukm.edu.my/ nazwin@hctm.ukm.edu.my	03-9145 5188
2.	Puan Nur Atiqah Muhamad Tahar Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	atiqahtahar@hctm.ukm.edu.my	03-9145 5157
HOSPITAL TUNKU AMPUAN BESAR TUANKU AISHAH ROHANI HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK			
1.	Puan Nurul Idiani Azmi Bazir Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	uesp.jsmhpkk@hctm.ukm.edu.my/ nurulidiani@ukm.edu.my	03-9174 8660

...3/-

**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
HOSPITAL TUNKU AMPUAN BESAR TUANKU AISHAH ROHANI HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK			
2.	Puan Nor Athirah Zulkaffli Pembantu Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	atirazulkaffli@ukm.edu.my	03-9174 8667

Sekian, terima kasih.

"ILMU, MUTU DAN BUDI"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-3-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfatar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar